

Headline	Sindiket penipuan tawaran kerja TNB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 May 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Letters	Page No	34
ArticleSize	58 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,015		



## Sindiket penipuan tawaran kerja TNB

Orang ramai dinasihatkan berwaspada sekiranya ditawarkan pekerjaan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa melalui proses pengambilan warga kerja yang diamalkan syarikat.

TNB menerima aduan mengenai tawaran kerja oleh individu yang menyamar sebagai warga kerjanya. Individu berkenaan meminta sejumlah wang sebagai ganjaran selain memajukan surat tawaran kerja palsu.

Pengambilan warga kerja TNB dibuat menerusi iklan termasuk di laman web TNB,

[www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau terus ke link <https://emadis.tnb.com.my> serta portal [JobStreet.com](http://JobStreet.com) dan bukannya melalui individu tertentu.

TNB juga tidak sama sekali meminta atau menerima sebarang pembayaran daripada pemohon kerana proses permohonan jawatan di TNB tidak membabitkan bayaran.

Sekiranya menerima tawaran kerja mencurigakan, orang ramai dinasihatkan menghubungi TNB di talian 03-22966537 atau 03-22966818.